



JKR NEGERI PERLIS
NOTIS SEBUT HARGA KERJA

JKR.PS.Q.SH(MEK) F134/2026(K)

**KERJA-KERJA PEMULIHAN SISTEM PENYAMAN UDARA DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN
DI SEKOLAH KEBANGSAAN JELEMPOK**

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di Perlis dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang masih sah dalam Gred **G1** Kategori **ME** Pengkhususan **M01**
(Tempoh sah sijil-sijil hendaklah tidak kurang 90 hari dari tarikh tutup iklan ini)
2. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan
3. Kontraktor dikehendaki membuat pendaftaran melalui pautan <https://s3pk.jkr.gov.my/pc2/IklanDetails.aspx?refNo=PRO260629134950759> atau melalui imbasan QR Kod di bawah bermula dari tarikh **30/06/2026** bermula jam **08:00** pagi sehingga **03/07/2026** jam **12:00** tengah hari sahaja.
4. Harga Dokumen Sebut Harga adalah sebanyak **RM10.00 (Ringgit Malaysia: SEPULUH SAHAJA)** dan perlu dijelaskan selewat-lewatnya pada **03/07/2026** jam **12:00** tengah hari. Kontraktor hendaklah memuatnaik slip bayaran dalam ruangan yang disediakan.
5. Dokumen Sebut Harga akan dihantar melalui **EMEL RASMI SYARIKAT YANG AKTIF SAHAJA** (Emel persendirian tidak dibenarkan) yang telah didaftarkan seperti para 3, serta syarikat yang berjaya melepasi syarat dan kelayakan yang ditetapkan, bermula dari **06/07/2026** sehingga **12/07/2026**.
6. Dokumen sebutharga dalam bentuk salinan cetak yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dengan serahan tangan atau perkhidmatan pos dan dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Sebut Harga JKR Perlis** di Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, KM 3, Jalan Raja Syed Alwi Kangar 01000 Perlis **TIDAK LEWAT DARI JAM 12.00** tengah hari, hari **ISNIN, 13/07/2026**.
7. Sebarang pertanyaan sila emel ke **bkub.jkr.perlis@gmail.com** atau boleh hubungi talian **04-9733496(BKUB)**



SR DR. MOHD AZIZI BIN IBRAHIM
JURUUKUR BAHAN KANAN
29/06/2026